



Rujukan : SUK. Ps 04A/184 SK1 (53)
Tarikh : 21 Julai 2021

Seperti Senarai Edaran

Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ YAA/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan

ARAHAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS BIL 11 : PENGGUNAAN FRASA "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ YAA/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan telah sedia maklum, arahan berkaitan penulisan surat rasmi telah diarahkan melalui Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Bil 1 : Format Penulisan Surat Rasmi Kerajaan (SUK. Ps 04A/184 SK1 (36) bertarikh 5 Januari 2021.

3. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri dengan surat edaran rujukan JPM.100-15/3/9 Jld. 2 (11) bertarikh 12 Julai 2021 telah memutuskan penggunaan frasa "**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**" untuk digunakan dalam perihal penulisan surat rasmi kerajaan. Rujukan berhubung arahan ini adalah seperti di lampiran yang jelas maksudnya.

4. Segala perhatian dan kerjasama Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ YAA/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung penggunaan frasa ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU,
NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”**

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMAN BIN MOHD YUSOF)

s.k: YAB Menteri Besar Perlis

SENARAI EDARAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

1. **Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)**
2. **Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)**
3. **Ketua Unit**
Unit Audit Dalam (UAD)
4. **Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB Menteri Besar**
Pejabat Menteri Besar
5. **Setiausaha Bahagian / SUB (E)**
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
6. **Setiausaha Bahagian / SUB (P)**
Bahagian Perumahan
7. **Setiausaha Bahagian / SUB (KT)**
Bahagian Kerajaan Tempatan
8. **Setiausaha Bahagian / SUB (PD)**
Bahagian Pentadbiran Daerah
9. **Setiausaha Dewan Undangan Negeri / SU DUN**
Bahagian Dewan Undangan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
10. **Setiausaha Bahagian / SUB (KP)**
Bahagian Khidmat Pengurusan
11. **Setiausaha Bahagian / SUB (SM)**
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
12. **Setiausaha Bahagian / SUB (TM)**
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
13. **Setiausaha Bahagian / SUB (M)**
Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol & Istiadat
14. **Pengarah**
Majlis Sukan Negeri Perlis

Jabatan-Jabatan Negeri

15. **Penasihat Undang-Undang Negeri**
Pejabat Penasihat Undang Undang
16. **Pegawai Kewangan Negeri**
Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis
17. **Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perlis**
Jabatan Mufti Negeri Perlis
18. **Ketua Hakim Syarie**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis
19. **Pengarah**
Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis
20. **Pengarah**
Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis
21. **Pengarah**
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis
22. **Pengarah**
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis
23. **Pengarah**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
24. **Pengarah**
Jabatan Pertanian Negeri Perlis
25. **Pengarah**
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perlis
26. **Pengarah**
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
27. **Pengarah**
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
28. **Setiausaha Sulit Kanan Kepada DYMM Tuanku Raja Perlis**
Pejabat Setiausaha Sulit

Pihak Berkuasa Tempatan

29. Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kangar

Badan Berkanun Negeri Dan GLC Negeri

30. Pengurus Besar

Perbadanan Kerajaan Ekonomi Negeri Perlis

31. Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis

32. Pengarah

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

33. Pengarah

Yayasan Islam Negeri Perlis

34. Ketua Pegawai Eksekutif

Menteri Besar Incorporation

35. Ketua Pegawai Eksekutif

Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.

Jabatan-Jabatan Persekutuan

36. Semua Pengarah Jabatan Persekutuan

Negeri Perlis



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Ruj. Kami : JPM.100-15/3/9 Jld.2 (11)
Tarikh : 12 Julai 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Pesekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/
Tuan/ Puan,

**PENGUNAAN FRASA "WAWASAN KEMAKMURAN
BERSAMA 2030" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT
KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Perutusan Pengerusi semasa Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 24 Mac 2021 telah menyarankan penggunaan slogan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dalam urusan rasmi Kerajaan termasuk dalam *letterhead* Kementerian dan agensi sebagai salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam mempromosikan WKB 2030. Cadangan ini turut dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 10 Mei 2021 yang lalu.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan cadangan slogan **“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”** untuk diguna pakai dalam urusan rasmi Kerajaan iaitu sebagai frasa slogan dalam surat-surat rasmi Kerajaan. Pemakaian frasa slogan ini adalah sebagai salah satu inisiatif dalam mempromosikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) kepada semua Kementerian dan agensi Kerajaan.

4. Bersama-sama ini turut dilampirkan cadangan penggunaan frasa slogan tersebut dalam surat rasmi Kerajaan untuk makluman dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan jua.

5. Arahan ini berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI)

s.k:

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

**CADANGAN PENGGUNAAN SLOGAN
DALAM SURAT RASMI KERAJAAN**

Kepada
Alamat penerima

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PERKARA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. xxxxxxxx.

3. xxxxxxxx.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(xxxx)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian xxxxx